

KHITAN; SATU PERSOALAN KHILAFIYYAH

Mohd Mustaffa bin Jusoh @ Yusoff
Pensyarah, Fakulti Syariah & Undang-undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
musjusoh@kuis.edu.my

Marliana binti Abdullah
Pensyarah, Fakulti Syariah & Undang-undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
marliana@kuis.edu.my

Syaripah Nazirah binti Syed Ager
Pensyarah, Fakulti Syariah & Undang-undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
nazirah@kuis.edu.my

Abstrak

Islam datang sebagai sebuah syariat yang memandu umat manusia dalam kehidupan di dunia ini. Khitan merupakan antara syiar yang dibawa oleh syariat Islam. Persoalan yang sering menjadi dilema dalam kehidupan masyarakat Islam apabila ada yang mendakwa bahawa prasktis khitan sudah tidak relevan pada masa kini, bahkan ada yang mendakwa bahawa persoalan khitan ini khilaf di kalangan para ilmuan Islam sendiri. Penulisan ini cuba untuk melihat sejauhmana dakwaan ini dan kadar relevansi dalam meneruskan atau tidak praktis khitan dalam kehidupan masyarakat masa kini. Dapatan kajian menunjukkan memang terdapat perbezaan pendapat di kalangan ilmuan, namun fakta dan hujah yang dikemukakan tidak menyokong dakwaan golongan anti khitan ini.

Kata kunci: khitan, syiar Islam, khilafiah khitan, Islam dan khitan.

1. Pendahuluan

Islam sebagai syariat kehidupan, datang sarat dengan keistimewaan dan hikmah yang menghiasi perjalanan kehidupan di dunia ini, sebelum sampai masanya untuk setiap hamba meneruskan baki perjalanannya untuk kembali kepada Allah Maha Pencipta.

Khitan merupakan antara syiar dalam Islam yang merupakan syariat yang diwarisi dari umat yang terdahulu, selain dari perkahwinan, memotong kuku, mencukur sebahagian bulu yang tumbuh di anggota badan, bersugi dan sebagainya.

Timbul pertikaian bagi pihak yang melihat praktis sebegini sebagai sudah tidak sesuai dengan perkembangan kehidupan yang dirasakan sudah maju dan moden, dengan hujah aqliah dan persepsi buruk yang sengaja dipopularkan,

Perkara ini merupakan cabaran bagi ilmuan Islam untuk bangkit mengemukakan hujah dan dalil bagi menepis serta membetulkan tanggapan serong yang boleh mencemarkan Islam dan menggoyangkan keimanan setiap individu muslim.

2. Latar Belakang Masalah

Selain menjadi amalan tradisi dan adat, khitan adalah merupakan sunnah fitrah yang sangat ditekankan dan syiar yang disyariatkan dalam Islam, berdasarkan sabda Nabi s.a.w.:

(الفطرة خمس، الختان والاستحداد وقلم الأظافر وقص الشارب ونتف الإبط)

Maksudnya, “Sunnah fitrah yang lima adalah khitan (sunat), istihdad (mencukur rambut kemaluan), memotong kuku, mencukur kumis, dan mencabut rambut ketiak” (HR. Bukhari 5889, Muslim 257).

Oleh itu, selain praktis berkhitan dijalankan ke atas orang muslim dalam usia yang masih muda, ia juga berlaku di kalangan orang yang sudah berusia, selalunya bagi kaum lelaki yang baru memeluk Islam, sementara bagi wanita yang dewasa pula, kurang jelas sejauh mana praktis ini berlaku di kalangan mereka. Justeru, ada dakwaan yang timbul mengatakan bahawa antara faktor yang mungkin menghalang dakwah kepada golongan bukan Islam adalah mereka terpaksa berkhitan, dan ini jelas kerana salah faham mereka tentang praktis khitan, samada merasa malu untuk melakukannya kerana faktor usia dan persepsi masyarakat yang agak negatif, ataupun kerana takut mendatangkan mudarat, disamping praktis khitan yang salah terhadap wanita.

Sering juga didengar, istilah dan perumpamaan yang negatif digunakan terhadap golongan muallaf seperti potong anu, potong ayam, masuk melayu, kudung dan seumpamanya. Penerangan kurang bijak dari pihak yang berkenaan, seperti pendakwah, jabatan agama dan masyarakat umum juga yang majoritinya bermazhab Syafe’i juga banyak memberi kesan kepada persepsi negatif ini, malah ada juga pihak yang mempertikai dan menentang amalan berkhitan dalam masyarakat, melihatnya sebagai satu praktis yang negatif, menyakitkan dan mencacatkan anggota badan dan sudah ketinggalan zaman, terutamanya bagi praktis khitan terhadap kaum perempuan. Isu yang bersifat rasis juga sedikit sebanyak punya kesan yang menghalang niat mereka untuk mendekati Islam.

Penulisan ini cuba untuk membawa persoalan khitan secara agak terbuka dan mengenalpasti persoalan hukum dan justifikasinya dalam situasi terkini berdasarkan realiti dan cabaran dalam kehidupan dan dakwah dalam penyampaian dan pengamalan semasa.

3. Pengertian Khitan

Khitan menurut bahasa berarti memotong atau mengkhitan, sedangkan menurut istilah khitan adalah memotong kulup (kulit kelamin) yang menutupi zakar bagi lelaki dan memotong nukleus kulit yang berada di hujung faraj bagi perempuan (Ibn Manzur. (11990m/ 1410h). Lisanul Arab. Beirut. Darul Sodik. Cet 1). Dalam bahasa Arab khitan juga digunakan sebagai nama lain bagi alat kelamin lelaki dan perempuan seperti dalam hadis yang mengatakan: (إِذَا التَّقَى الْخَيْتَانِ فَقَدْ وَجِبَ الْغَسْلُ) maksudnya, “apabila terjadi pertemuan dua khitan, maka telah wajib mandi” (H.R. Muslim, Tirmidzi), iaitu apabila berlaku persetubuhan di mana kepala zakar lelaki masuk ke dalam lubang faraj wanita, yang digambarkan keadaan itu seperti pertemuan dua had khitan antara lelaki dan wanita tersebut.

Para fuqaha’ mendefinisikan khitan yang disebut juga sebagai ‘idzar (الإِعْذَار) untuk laki-laki adalah memotong kulit yang menutupi khasyafah (kepala takuk kemaluan), sehingga seluruh khasyafah terbuka dan tidak ada kulit yang menutupinya dan khitan untuk perempuan disebut dengan khifadh (الْخِفَاض) adalah memotong sedikit lebih hujung kulit kelentit (klitoris) yang berada di bahagian atas kemaluannya (vagina) (Ibn Qudamah. (1981M/ 1401M). Al-Mughni. Riyadh. Maktabah riyadh Al-Hadithah).

4. Dalil Pensyariatan Khitan

Tidak ada ayat Al-Quran yang menerangkan secara zahir tentang suruhan amalan berkhitan, tetapi penafsiran yang diambil dari hadis tentang maksud ayat menunjukkan kepada pensyariatan khitan dalam Islam.

a) Antaranya seperti firman Allah Ta'ala dalam surah ar-Rum ayat 30:

(فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا، فطرت الله التي فطر الناس عليها)

maksudnya: "Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus pada agama (Allah), (tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu".

Kalimah fitrah yang terdapat di dalam ayat ini kemudiannya dijelaskan lagi dengan sabda Rasulullah s.a.w. (الفطرة خمس، الختان والاستحداد وقلم الأظافر وقص الشارب ونتف الإبط)

Maksudnya, "Sunnah fitrah yang lima adalah khitan (sunat), istihdad (mencukur rambut kemaluan), memotong kuku, mencukur kumis, dan mencabut rambut ketiak", dan salah satu fitrah itu adalah khitan.

b) Selain itu juga firman Allah dalam surah an-Nisaa' ayat 125:

(وَمَنْ أَحْسَنُ دِينًا مِّمَّنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ وَاتَّبَعَ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَاتَّخَذَ اللَّهُ إِبْرَاهِيمَ خَلِيلًا)

maksudnya: "Dan siapakah yang lebih baik agamanya dari pada orang yang dengan ikhlas berserah diri kepada Allah, sedang dia mengerjakan kebaikan, dan mengikuti agama Ibrahim yang lurus? Dan Allah telah memilih Ibrahim sebagai kekasih Nya".

c) Dan dalam surah an-Nahl ayat 123 pula Allah berfirman:

(ثم أوحينا إليك أن إتبِعْ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ)

maksudnya: "Kemudian Kami wahyukan kepadamu (Muhammad), ikutilah agama Ibrahim seorang yang hanif, dan bukanlah dia seorang yang mempersekutukan Tuhan".

d) Begitu juga dalam surah al-Hajj ayat 178:

(مِلَّةَ أَبِيكُمْ إِبْرَاهِيمَ هُوَ سَمَّاكُمُ الْمُسْلِمِينَ مِنْ قَبْلُ وَفِي هَذَا لِيَكُونَ الرَّسُولُ شَهِيدًا عَلَيْكُمْ وَتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ)

maksudnya: "(Ikutilah wahai Muhammad) agama bapa mu Ibrahim, Dia (Allah) telah menamai kamu sekalian orang-orang muslim dari dahulu dan (begitu pula) dalam (Al Qur'an) ini, supaya Rasul itu menjadi saksi atas dirimu dan supaya kamu semua menjadi saksi atas segenap manusia".

Terdapat beberapa riwayat yang menerangkan secara jelas tentang berkhitan sepertimana sabda Rasulullah s.a.w. yang menerangkan maksud fitrah dalam sura Ar-Rum, dan juga riwayat yang berikut:

a) Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim, baginda Rasulullah s.a.w.

telah bersabda: (اخْتَنَّ إِبْرَاهِيمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ وَهُوَ ابْنُ ثَمَانِينَ سَنَةً بِالْقَدُومِ), maksudnya: "Ibrahim 'alaihissalam telah berkhitan dengan qadum (nama sebuah alat pemotong) sedangkan beliau berumur 80 tahun".

b) Hadis riwayat Abu Dawud dan Ahmad, Rasulullah s.a.w. bersabda kepada seorang lelaki bernama Kulaib, setelah dia datang menemui Baginda dan memeluk Islam:

(أَلْقِ عَنْكَ شَعْرَ الْكُفْرِ وَاخْتِنِ), maksudnya: "Buanglah rambut kekafiran dan berkhitanlah"

- c) Hadis riwayat Baihaqi dan Imam Ahmad di dalam Musnadnya: (الْحِطَانُ سُنَّةٌ لِلرِّجَالِ ، (مَكْرُمَةٌ لِلنِّسَاءِ)), maksudnya: “Khitan itu sunnah bagi lelaki dan kemuliaan bagi wanita”.
- d) Hadis riwayat At-Tabrani dan Abu Daud:

(أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لِأُمِّ عَطِيَّةَ . خِتَانَةٌ كَانَتْ بِالْمَدِينَةِ . : " إِذَا خَفَضْتَ فَأَشْمِي وَلَا تَنْهَكِي فَإِنَّهُ أُسْرَى لِلْوَجْهِ وَأَحْظَى عِنْدَ الزَّوْجِ) ،

maksudnya: “Bahwasanya Baginda Nabi s.a.w. telah bersabda kepada Ummu “Atiyah, seorang yang mengkhitankan wanita di Madinah: sentuh sedikit saja dan jangan berlebihan (di dalam memotong), kerana yg demikian itu lebih nikmat bagi wanita dan lebih disenangi suaminya.

- e) Hadits riwayat As-Syaukani dalam At-Talkhis Al-Jabir, sabda Rasulullah s.a.w. : (مَنْ (أَسْلَمَ فَلْيُخْتَنْ)) maksudnya: ‘Barangsiapa masuk Islam, maka berkhitanlah’.

5. Hukum Berkhitan Menurut Pandangan Fuqaha’ Empat Mazhab Yang Muktabar

Para fuqaha’ berbeza pendapat berkenaan kedudukan hukum berkhitan bagi setiap lelaki dan wanita, kerana petunjuk yang difahami berdasarkan dalil dalil yang telah dinyatakan tadi tidak qat’i, justeru pendapat tentang kadar hukum berkhitan bagi lelaki dan perempuan adalah berdasarkan ijtihad mereka seperti berikut.

1. Menurut mazhab Syafi’e dan sebahagian mazhab Hambali, hukum khitan adalah wajib bagi laki-laki dan perempuan. Imam Syafi’e menghukumkan bahawa khitan adalah wajib bagi setiap lelaki dan wanita.
2. Imam Ahmad pula melihat hukum khitan adalah wajib bagi lelaki dan sunnah yang digalakkan bagi wanita, kecuali jika ada keperluan untuk berkhitan. Dinukilkan juga satu pendapat beliau yang selari dengan pendapat Imam Syafi’e.
3. Satu pendapat yang dinukilkan dari Ibnu Qudamah (ulamak madzhab Hanbali) dalam Al-Mughni menyatakan bahawa khitan itu sunnah bagi lelaki dan digalakkan bagi wanita, bersandarkan kepada hadis (الْحِطَانُ سُنَّةٌ لِلرِّجَالِ ، مَكْرُمَةٌ لِلنِّسَاءِ) , maksudnya: “Khitan itu sunnah bagi lelaki dan kemuliaan bagi wanita”, dan perbezaan antara sunnah dan mukromah adalah kesunnahan mukromah berada sedikit di bawah sunnah.
4. Abu Hanifah r.h. juga berpegang kepada hadis ini dan berpendapat bahawa khitan itu tidak wajib hukumnya tetapi sunnah yang dituntut ke atas lelaki kerana ianya adalah fitrah yang disyariatkan. Fuqaha’ Ahnaf menyatakan, bahawa jika terdapat sekumpulan masyarakat yang sengaja meninggalkan praktis berkhitan dan menolaknya, maka pemimpin negara tersebut wajib untuk memerangi mereka, kerana khitan itu merupakan syiar bagi agama Allah, dan orang yang menolaknya bermakna menolak syariat Allah.
5. Pendapat yang sama juga dinukilkan dari dari Imam Malik r.h. dan fuqaha’ Malikiyah, antaranya Qadhi ‘Iyadh yang melihat bahawa ianya adalah sunnah muakkadah bagi lelaki dan kemuliaan iaitu sesuatu yang digalakkan kepada wanita.

Mereka meletakkan hukumnya antara fardhu dan sunnah dan melihat bahawa meninggalkan khitan tanpa sebab dan alasan adalah berdosa.

6. Dalam kitab *Al-Mausuah Al-Fiqhiyah* dikatakan bahawa pendapat yang muktamad dalam mazhab Hanafi, Maliki dan pendapat sebahagian kecil ulamak Syafi'i mengatakan bahawa hukum khitan bagi lelaki adalah wajib dan bagi wanita pula adalah sunnah, sementara pendapat yang muktamad dalam mazhab Syafi'e meletakkan khitan wajib bagi lelaki dan wanita (*Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaitiyah*. (1983M/ 1404H). Wizaroh Al-Awqaf Was Syuun Al-Islamiyyah Al-Kuwaitiyah. Kuwait. Cet ke 2).

Sebagai kesimpulannya, didapati bahawa para fuqaha' muktbar memang berbeza pendapat tentang hukum berkhitan, samada ianya;

- i. wajib bagi setiap lelaki dan wanita,
- ii. hanya wajib bagi lelaki dan sunnah sahaja bagi wanita,
- iii. sunnah hukumnya bagi setiap lelaki dan wanita,
- iv. sunnah sahaja bagi lelaki dan digalakkan bagi wanita.

Namun begitu, amat jelas dilihat bahawa mereka semuanya sependapat bahawa:

- a) Praktis khitan adalah merupakan anjuran agama iaitu antara perkara yang disyariatkan bagi setiap lelaki dan wanita muslim.
- b) Bahkan berdosalah hukumnya bagi masyarakat yang meninggalkan praktis ini,
- c) Wajib diperangi golongan yang menentangnya, kerana khitan merupakan syiar bagi syariat Islam yang diwarisi sejak dari Nabi Ibrahim a.s. dan merupakan fitrah bagi kehidupan manusia.
- d) Sikap yang menolak praktis dan amalan berkhitan bermakna menolak syariat Allah, dan hukumnya adalah jelas sekali.
- e) Tiada kewajaran bagi umat Islam untuk menolak sama sekali praktis khitan ini, kerana ianya punya hikmah dan kebaikan dalam perjalanan kehidupan.

5.1 Kadar Khitan Bagi Lelaki Dan Wanita

Al-Mawardi menyatakan bahawa praktis khitan pada lelaki adalah memotong kulit yang menutupi khasyafah (kepala kemaluan), sehingga seluruh khasyafah terbuka dan tidak ada kulit yang menutupinya.

Praktis khitan bagi wanita pula terbahagi kepada empat cara iaitu:

1. Praktis khitan dengan memotong bahagian bawah kulit lebihan yang menutupi bahagian sensitif faraj yang dinamakan kelentit atau klitoris, yang terdapat di bahagian atas faraj atau bibir vagina seorang wanita itu. Imam Nawawi menyatakan bahawa praktis khitan sebegini adalah sebagaimana yang dianjurkan dalam syariat Islam bersandarkan hadis baginda Rasulullah s.a.w. yang mengarahkan Ummu 'Atiyah, tukang khitan wanita di Madinah supaya memotong sedikit saja bahagian atas faraj wanita: (إذا خففت فأشمتي ولا تنهكي), maksudnya: "sentuh sedikit saja dan jangan berlebihan (di dalam memotong)".

2. Praktis khitan bagi wanita juga dilakukan dengan memotong sebagian kecil dari klitoris yang terlalu besar dan menonjol, bertujuan untuk mengurangkan dorongan dan ransangan seks wanita yang begitu besar dan mampu membuatnya menjadi lebih tenang dan disenangi oleh suami. Praktis sebegini juga dilihat boleh diterima kerana mampu untuk menjaga masalah dan kebaikan bagi wanita dengan syarat tiada kesan yang memudaratkan.
3. Praktis khitan dengan menghilangkan semua klitoris dan semua bagian dari bibir kemaluan dalam (labium minora). Cara praktis begini disebut sebagai infibulation dan adalah dilarang dalam Islam, kerana boleh membawa kemudaratkan kepada wanita dan memberi kesan kepada perasaan dan ransangan seks yang dingin, sebagaimana yang berlaku di sebahagian negara Afrika.
4. Praktis khitan dengan menghilangkan semua klitoris, dan semua bagian dari bibir kemaluan dalam (labium minora), dan sepasang bibir kemaluan luar (labium mayora). Praktis khitan begini disebut sebagai clitoridectomy (pemotongan klitoris penuh ujung pembuluh saraf) dan ianya juga dilarang dalam Islam, kerana ianya juga jelas boleh mendatangkan kemudaratkan dan kecacatan serta membahayakan kondisi tubuh wanita.

5.2 Waktu Khitan

Para fuqaha' mazhab tidak menetapkan waktu yang tertentu bagi melayakkan seseorang itu untuk berkhita, tetapi ada pendapat yang menyatakan keafdhalan khitan adalah semasa umur antara mumayiz dan baligh, kerana pada tahap umur begini, seseorang itu telah ada keperluan untuk menjaga kebersihan dirinya dan boleh memahami kenapa dia perlu berkhitan.

Ada juga yang berpendapat berkhitan lebih digalakkan semasa dalam usia masih bayi kerana pada tahap umur sebegini, seorang yang dikhitankan tidak merasa kesakitan sebagaimana apabila umurnya sudah mumayiz, dan luka khitan juga akan cepat sembuh.

Dalam realiti hari ini, praktis khitan dilihat boleh dilakukan dalam tiga keadaan, iaitu:

- a) Semasa masih bayi.
- b) Semasa umur remaja.
- c) Sesudah mencapai umur dewasa.

Begitu juga praktis khitan ini boleh dilakukan pada lelaki dan wanita, kerana perkembangan teknologi yang membantu dalam mengurangkan risiko sakit dan mempercepatkan proses penyembuhan, seperti kaedah berkhitan dengan menggunakan laser dan penggunaan ubat-ubatan.

5.3 Orang Yang Tidak Perlu Dikhitan

Ada empat keadaan seseorang tidak perlu dikhitankan dan telah jatuh kewajipan terhadap dirinya.

1. Pertama : Seseorang yang dilahirkan dalam keadaan sudah berkhitan. Orang seperti ini tidak perlu dikhitankan kembali. Demikian kesepakatan ulama. Hanya sebagian ulama mutaakhirin berpendapat bahawa memadai dengan dilalukan saja pisau di tempat khitan, kerana itu yang dapat dia lakukan, dan Nabi telah bersabda, 'Jika aku perintahkan, maka lakukan semampu kalian' (HR Bukhari, no. 7288 dan Muslim, no. 1337).

2. Kedua : Jika seseorang tidak tahan menahan rasa sakit ketika berkhitan, disebabkan dirinya yang sakit atau sudah tua dan faktor lain yang dikenal pasti. Ditakuti dengan sebab berkhitan boleh mendatangkan mudarat yang berpanjangan pada diri dan kehidupannya, maka dalam situasi begini maka diharuskan untuk tidak berkhitan, bersandarkan firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 195: (وَلَا تَلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ), maksudnya: “ dan jangan kamu lemparkan diri mu kedalam kecelakaan”.
3. Ketiga : Seseorang masuk Islam ketika sudah dewasa, dan dia takut akan berlaku kemudaratan terhadap dirinya, maka dalam situasi begini juga dibolehkan untuk tidak berkhitan sehinggalah dia telah yakin untuk melakukannya, kerana memastikan ianya beriman dan menjaga agama adalah masalah yang lebih penting.
4. Keempat : Seseorang yang meninggal, sedangkan ia belum berkhitan, maka tidak perlu dikhitankan, karena khitan disyariatkan ketika seseorang masih hidup, dan itu telah hilang dengan kematian, maka tidak ada mashlahat untuk mengkhitannya (Ibn Qayyim, 1431H)

5.4 Hikmah Dan Faidah Khitan

1. Ibn Qayyim dalam kitabnya (1431). Tuhfatul Maudud fi Ahkam Al-Maulud. T.tp. Darul Alam al-Fawaid) Menyatakan bahawa khitan merupakan kemuliaan syariat yang Allah s.w.t. peruntukkan untuk hamba Nya, memperbagus keindahan zahir dan batinnya, menyempurnakan agama Hanif iaitu syariat Nabi Ibrahim a.s. yang merupakan bapa kepada para nabi dan rasul, sebagai nenek moyang bagi keturunan Ismail dan Ishak. Khitan merupakan acuan dan syiar kebesaran Allah s.w.t terhadap para hamba Nya. Allah s.w.t. berfirman : (صِبْغَةَ اللَّهِ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ) : (صِبْغَةَ) maksudnya: “Shibghah Allah, dan siapakah yang lebih baik shibghahnya dari pada Allah?”. Menurut Ibn ‘Abbas, sibghah atau acuan yang dimaksudkan di dalam ayat ini adalah agama Allah (Al-Fairuz Abadi. (1992M/ 1412H). Tanwir Al-Muktabas Min Tafsir Ibn ‘Abbas. Darul Kutub Al-‘Ilmiah).
2. Sebagai tanda ‘ubudiah kepada Allah Subhanahu wa Ta’ala, sebagaimana dahulu, bahwa memberi tanda pada telinga atau badan pada budak sahaya sebagai pertanda penghambaan diri mereka kepada majikannya. Jika budak tersebut lari dari majikannya, ia dikembalikan kepadanya melalui perantara tanda tersebut. Maka tidak ada yang mengingkari, barangsiapa yang telah berkhitan dengan memotong kulit tersebut, berarti dia telah menghambakan dirinya kepada Allah Subhanahu wa Ta’ala, sehingga semua orang mengetahui, barangsiapa yang melakukan khitan, berarti dia adalah hamba Allah Subhanahu wa Ta’ala.
3. Berkhitan bagi wanita, dapat menetralkan nafsu syahwat. Jika dibiarkan tidak berkhitan, maka akan mudah menyebabkan dia terangsang dan tidak dapat mengawal nafsu jantannya, tetapi jika dipotong habis daging kelentitnya pula, akan memudaratkan dan membuat wanita tersebut terseksa kerana hilang nafsu jantannya, tidak mempunyai rasa. Justeru, orang yang tidak berkhitan boleh

memberi kesan ketidak puasan dengan jima` (hiperseks). dan kesalahan ketika mengkhitan bagi wanita, dapat membuatnya menjadi dingin terhadap lelaki dan hubungan seks.

4. Wanita yang berkhitan dapat mencerahkan wajah dan memuaskan pasangannya sebagaimana yang disebut dalam hadis Ummu 'Atiyah, seorang juru khitan wanita di Madinah.

6. Trend Praktis Khitan di Malaysia

Di Malaysia, di mana Islam sudah bertapak sejak abad ke 13 lagi, amalan khitan telah menjadi antara adat tradisi yang dilaksanakan dengan berbagai ritual sampingan yang membabitkan kedudukan dan status seseorang serta persepsi umum masyarakat, hingga ada yang mungkin terkeliru antara syariat dan tuntutan adat. Bangsa Melayu yang mendominasi agama Islam memang terkenal dengan kekayaan budaya dan adat resam. Khitan merupakan tanda simbolik dalam pandangan masyarakat bahwa seorang anak laki-laki dianggap telah memasuki usia dewasa dan disebut anak bujang atau teruna, sedangkan anak perempuan disebut sebagai anak dara sunti atau gadis.

Praktis khitan dalam masyarakat Melayu yang lazimnya dikenali juga dengan beberapa nama seperti bersunat, berkhitan, basunat dan sunat Rasul, diamalkan kepada kaum lelaki dan perempuan, dalam usia yang muda. Khusus anak laki-laki khitan dilakukan setelah ia tamat (khatam) Al-Qur'an yang ditandai dengan upacara berkhitam ngaji atau khatam Al-Quran, dan kebiasaannya semasa umur kanak-kanak tersebut dalam lingkungan sembilan ke duabelas tahun. Kebanggaan bagi orang tua jika anak yang dikhitan sudah khatam dalam membaca Al-Quran. Sebaliknya aib bagi orang tua jika anak yang dikhitan tidak dapat khatam membaca Al-Qur'an. Bagi anak perempuan pula, kebiasaannya amalan berkhitan dilakukan semasa anak tersebut masih dalam usia bayi lagi, mengikut kebiasaannya ketika dalam tempoh yang disebut "dalam hari" iaitu kurang dari sebulan usia kelahirannya. Namun, masih ada juga yang menjalankan praktis khitan ini setelah masuk umur awal remaja tetapi sebelum didatangi haid iaitu antara tujuh ke sembilan tahun, dan situasi ini terlalu jarang berlaku.

Antara contoh kebiasaan bagi masyarakat Melayu di Malaysia dan secara umumnya di nusantara adalah seperti mengadakan acara perayaan berkhitan atau lebih dikenali dengan panggilan bersunat atau berkhitan, peserta dimeriahkan dengan persembahan kesenian seperti ghazal dan marhaban. Pada waktu subuh, peserta akan diarahkan untuk mandi dan berendam di dalam air seperti di dalam kolam atau sungai yang sejuk, dengan tujuan untuk mengurangkan rasa sakit semasa dikhitan nanti.

Pada hari ini trend berkhitan ada sedikit kelainan. Dulu tukang khitan atau bersunat itu adalah seorang yang dipanggil Tok Mudim bagi lelaki dan Mak Bidan bagi perempuan, sekarang, aktiviti tersebut banyak dilakukan oleh doktor atau pembantu kesihatan di hospital dan klinik. Ada juga komuniti setempat yang mengambil kesempatan mengadakan majlis berkhitan atau berkhitan secara beramai-ramai, dan meraikan majlis tersebut dengan berbagai pengisian aktiviti kekeluargaan yang lain, dan waktu yang popular adalah semasa musim cuti sekolah di pertengahan tahun atau penghujung tahun. Program ini sekarang popular dengan panggilan "khatan perdana" dan "sunathon".

BIBLIOGRAFI

- Ibn Manzur. (11990m/ 1410h). Lisanul Arab. Beirut. Darul Sodik. Cet 1.
- Ibn Qudamah. (1981M/ 1401M). Al-Mughni. Riyadh. Maktabah riyadh Al-Hadithah.
- Ibn Qayyim (1431H). Tuhfatul Maudud fi Ahkam Al-Maulud. T.tp. Darul Aalam al-Fawaid.
- Al-Fairuz Abadi. (1992M/ 1412H). Tanwir Al-Muktabas Min Tafsir Ibn ‘Abbas. Darul Kutub Al-‘Ilmiah.
- Al-Mausu’ah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaitiyah. (1983M/ 1404H). Wizaroh Al-Awqaf Was Syuun Al-Islamiyyah Al-Kuwaitiyah. Kuwait. Cet ke 2.